



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*  
**Jabatan Pendidikan Negeri Johor**  
*Johor State Education Department*  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604, Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000  
Pengarah : 07-231 0198  
Timbalan : 07-231 0191  
Faks : 07-234 7132  
Portal : [www.jpnhor.moe.gov.my](http://www.jpnhor.moe.gov.my)  
E-mel : [jpnhor@moe.gov.my](mailto:jpnhor@moe.gov.my)

Ruj. Tuan : XU/2021/01/25  
Ruj. Kami : JPNJ.REG.600-11/2/1Jld.10(51 )  
Tarikh : 09 Februari 2021

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd  
2-19-01 Worldwide@7  
Jalan Lazuardi 7/29  
Seksyen 7  
40000 Shah Alam, Selangor  
u.p : Encik Adillah Bin Abu Samah

Tuan,

**MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED-LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI DI SEKOLAH NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya surat puan bertarikh 25 Januari 2021 berhubung perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan usaha pihak agensi luar dalam menyokong pembangunan pendidikan murid-murid negara ini. Usaha ini adalah sejajar dengan Hasrat **Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025**: bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

3. Walau bagaimanapun, berikutan situasi kes jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) di negara ini yang tidak menentu pada ketika ini, keselamatan dan kesihatan murid adalah menjadi keutamaan pihak JPNJ. Keadaan ini menyebabkan banyak program yang melibatkan pihak sekolah khususnya guru dan murid tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan disaran untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan *platform* yang bersesuaian seperti *MEET*, *Webex* atau aplikasi lain yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya). Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai panduan kepada pihak sekolah bagi menjamin keselamatan dan kesihatan murid menjelaskan bahawa pelibatan pihak luar dalam sebarang aktiviti sekolah adalah tidak dibenarkan buat masa ini.

*Makluman*  
*Ahmad Wahid*  
*Ahmad Wahid*

*Molekuan*  
*Ys Anni*



5. Jabatan Pendidikan Negeri Johor merakamkan ucapan terima kasih di atas usaha pihak tuan bagi tujuan tersebut kepada murid-murid sekolah di Negeri Johor. Jabatan ini bersedia memberikan kerjasama di masa akan datang sekiranya pihak tuan telah mendapat persetujuan dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.

Segala perhatian pihak puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT:DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI SHAHARUDDIN BIN SAARI)**

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k.
1. Timbalan Pengarah Pendidikan(Pengurusan Sekolah), JPNJ
  2. Timbalan Pengarah Pendidikan(Pembangunan Murid), JPNJ
  3. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor